



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 09/2022**

**ISLAM DAN KEBERSIHAN:  
APAKAH PERANAN KITA?**

**01 Syaaban 1443 H**

*Bersamaan*

**04 Mac 2022**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**


الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَتَمَّ عَلَيْنَا النِّعْمَةَ، وَرَضِيَ لَنَا الْإِسْلَامَ دِينًا،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّيِّبِينَ الطَّاهِرِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**Saudara sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Bertakwa dan patuhlah kepada perintah Allah semoga saudara-saudara semua mendapat kejayaan hidup didunia dan akhirat. Tajuk khutbah pada hari mulia ini ialah

### **“Islam dan kebersihan: Apakah peranan kita?”**

Islam dan kebersihan tidak dapat dipisahkan. Apabila disebut Islam maka tergambarlah kebersihan sebagai salah satu ciri utamanya. Di antara ayat-ayat terawal al-Quran yang diturunkan kepada Nabi s.a.w, ialah ayat 4 surah al-Muddaththir :



**Maksudnya :** “Bersihkan diri kamu daripada dosa dan pakaian kamu daripada najis dan kotoran” .

Seterusnya perintah supaya orang -orang Islam menjaga kebersihan wujud dalam pra-syarat mengerjakan solat iaitu suci daripada najis dan hadath. Apa yang menarik ialah perintah berwudu’, sebagai proses membersihkan diri sebelum

mengadap Allah, begitu terperinci gesaannya. Perhatikan firman Allah dalam ayat 6 surah al-Maidah:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ  
وَأَمْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا ....

**Maksudnya:** “Wahai orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang, maka basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah kepalamu, dan basuhlah kedua belah kakimu meliputi buku lali; dan jika kamu junub maka bersucilah....”

Apa yang lebih menarik lagi, bukan sahaja Allah mahukan kita bersikap bersih dan suci, malah disediakan bahan atau sumber untuk membersihkan iaitu air mutlak antaranya air hujan. Firman-Nya dalam surah al-Furqan ayat 45:-

وَهُوَ الَّذِي أَرْسَلَ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً طَهُورًا ﴿٤٨﴾

**Maksudnya:** “Dan Dialah Tuhan yang menghantarkan angin sebagai berita gembira sebelum kedatangan rahmat-Nya, dan Kami menurunkan dari langit, air yang bersih suci.”

**Saudara muslimin yang dikasihi Allah,**

Rasulullah s.a.w pula menegaskan bahawa kebersihan itu sebahagian daripada Iman, yang memberi maksud bahawa Iman seseorang tidak sempurna tanpa mengamalkan kebersihan. Sabda Baginda s.a.w :-

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ.

(رواه ومسلم)

**Maksudnya:** Kebersihan itu sebahagian daripada Iman.

Malah Nabi s.a.w hampir-hampir mewajibkan amalan membersih mulut (bersugi) sebelum solat. Sabda Baginda s.a.w:

لَوْلَا أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي، لِأَمْرِهِمْ بِالسَّوَاكِ مَعَ كُلِّ صَلَاةٍ

(رواية مالك وأحمد)

**Maksudnya:** Kalaulah tidak menjadi kesusahan kepada ummatku, nescaya aku perintahkan mereka bersugi setiap kali hendak solat.

Islam bukan sahaja menganjurkan kebersihan diri, malah turut merangkumi persekitaran dan tempat awam seperti kebersihan masjid dan jalan raya. Daripada Aisyah r.a, menyebut:

“Rasulullah s.a.w memerintahkan pembinaan masjid-masjid di kawasan-kawasan penempatan dan mengarahkan supaya dibersih dan diwangikannya.”

(Riwayat Abu Dawud)

Dalam sebuah hadith lain, Nabi s.a.w menjamin pahala kepada sesiapa yang menyingkirkan kotoran daripada jalan sebagaimana sabda Baginda S.A.W yang bermaksud:

“...dan kamu menyingkirkan perkara-perkara yang boleh menyusahkan pengguna jalan merupakan sedekah yang diberi pahala”.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

**Saudara sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Berdasarkan beberapa dalil al-Quran dan as-Sunnah sebelum ini, ia menjadi bukti betapa Islam sangat mementingkan kebersihan dan kesucian. Sehubungan dengan itu perlu ditegaskan, kebersihan dalam konteks Islam merangkumi zahir dan batin,

jasmani dan rohani. Justeru apakah sikap dan peranan kita sebagai umat Islam terhadap amalan kebersihan ini? Apakah budaya hidup kita selari dengan hakikat bahawa Islam itu agama kebersihan?

Di lihat dari satu sudut, kita sebagai warga Islam di negeri bergelar Darul Iman ini, perlu menyedari tentang tuntutan Islam terhadap kebersihan. Hal ini boleh di buktikan; seperti melalui tahap kebersihan di kebanyakan halaman rumah, kawasan kediaman dan perkampungan. Yang paling ketara ialah; keseluruhan masjid-masjid perlu memberi keutamaan kepada kebersihannya dan menyediakan peruntukan khas bagi memastikan kebersihan dan keceriaannya terjaga.

Sementara itu kebersihan di tempat-tempat awam seperti di pasar-pasar, di pantai-pantai peranginan dan kawasan-kawasan rekreasi perlu dipertingkatkan terutama di lokasi-lokasi yang tiada pekerja pembersihan. Di sinilah individu, orang ramai malah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berperanan membantu memastikan kebersihan yang terbaik dan memberi keselesaan kepada para pengunjung.

Orang awam janganlah hanya meletakkan tanggungjawab memelihara kebersihan kepada pihak tertentu semata-mata. Malah, setiap orang daripada kita perlu memastikan bahawa unsur-unsur yang boleh menyebabkan kekotoran bukan datang daripada kita atau orang bersama kita seperti anak-anak. Sebaliknya kita sendiri sewajarnya berusaha menyingkirkan kekotoran atau perkara yang boleh membahayakan.

Selain daripada tempat-tempat awam yang perlu dipastikan kebersihan yang maksima, sungai-sungai tempat mengalirnya air bersih, sumber kehidupan kita perlu diberi perhatian supaya tahap kebersihannya dipertingkatkan. Bersama-samalah kita berkongsi tanggungjawab dengan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran, iaitu dengan memastikan bahan-bahan terbuang tidak dicampak atau dialirkan ke dalam sungai dengan sewenang-wenangnya. Ingatlah sungai adalah anugerah Allah yang

perlu dipelihara dan menjadi sumber kehidupan untuk semua, termasuklah hidupan di dalamnya.

### **Saudara muslimin yang diberkati Allah,**

Sebagai warga Islam yang mengakui Islam adalah satu-satunya agama yang diredhai Allah, marilah kita membudaya dan meningkatkan amalan kebersihan dalam kehidupan dengan:

**Pertama:** Berusaha meningkatkan iman kita dengan mengamalkan budaya bersih dan suci.

**Kedua :** Menjadikan kebersihan sebagai Sunnah dan amalan soleh.

**Ketiga:** Setiap orang perlu bertanggungjawab menjadikan persekitaran yang bersih, tanpa menyerah kepada pihak bertanggungjawab semata-mata.

**Keempat :** Menjadikan kebersihan sebagai satu sumbangan kepada masyarakat.

**Kelima :** Sifat pengotor boleh mendatangkan kemudaratan kepada diri dan orang lain, justeru ia perlu dijauhi. Sabda Nabi S.A.W.

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

(رواه ابن ماجه)

**Maksudnya:** Tiada kemudaratan dan tidak boleh membuat hal yang memudaratkan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَا نَقُومُ فِيهِ أَبَدًا لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَى مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ

رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَنْظَهُرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ ﴿١٠٨﴾

**Maksudnya:**“Janganlah engkau sembahyang di masjid itu buat selamanya, kerana sesungguhnya masjid (Qubaa), yang telah didirikan di atas dasar takwa dari mula lebih patut engkau sembahyang di dalamnya. Di sana ada lelaki yang suka membersihkan dirinya; dan Allah Mengasihi orang yang membersihkan diri mereka.”

(Surah at-Taubah ayat 108)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِن سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطَّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, pertautkanlah hati kami, perbaikilah hubungan sesama kami, tunjukkan kami jalan-jalan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kesesatan, bimbinglah kami menuju kepada kebenaran, jauhkan kami daripada segala keburukan dan kejahatan yang zahir mahupun tersembunyi.

Ya Allah, perkayakan kami dengan ilmu pengetahuan, perelokkan kami dengan budi pekerti, muliakan kami dengan ketakwaan, dan hiasilah kami dengan kesihatan yang baik.

Ya Allah, berkati dan rahmatilah kehidupan, keluarga dan keturunan kami. Terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkau yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. Jadikanlah kami orang-orang yang bersyukur akan nikmat-Mu, penyanjung nikmat-Mu, penerima kurniaan nikmat-Mu, dan sempurnakanlah nikmat-Mu kepada kami.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.